

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dato' Othman bin Aziz**  
**[Jerlun]**

**TARIKH : 26 November 2015 (Khamis)**

**SOALAN : Dato' Othman bin Aziz minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan**

Apakah langkah yang telah diambil bagi memperbanyakkan lagi bilangan Pusat Penyelidikan Industri Padi bagi meningkatkan hasil, kepelbagaian benih dan penggunaan input pertanian yang sesuai mengikut kawasan tanaman di negara ini.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melalui penstrukturkan semula telah mempergiatkan aktiviti penyelidikan padi dengan mengkhususkan MARDI Seberang Perai sebagai Pusat Kecemerlangan dan Inovasi Padi. Selain Pusat Penyelidikan Padi dan Beras di MARDI Seberang Perai, MARDI juga mempunyai beberapa buah stesen sokongan yang terletak di kawasan Jelapang Utama dan Luar Jelapang. Stesen-stesen sokongan tersebut adalah seperti berikut:-

1. MARDI Tanjung Karang, Selangor
2. MARDI Kota Bharu, Kelantan
3. MARDI Besut, Terengganu
4. MARDI Parit, Perak
5. MARDI Alor Setar, Kedah
6. MARDI Pendang, Kedah
7. MARDI Kota Kinabalu, Sabah
8. MARDI Kuching, Sarawak

Buat masa ini, Pusat Penyelidikan Padi dan Beras ini adalah mencukupi di mana iaanya akan berperanan sebagai pusat penyelidikan yang bertanggungjawab untuk menghasilkan varieti padi baru, memperkenalkan amalan agronomi yang efisyen untuk peningkatan hasil dan kualiti padi, melaksanakan kajian pengurusan perosak dan penyakit serta pengendalian lepas tuai. Kesemua tanggungjawab ini diterapkan pula ke dalam tiga program penyelidikan iaitu padi hibrid, padi inbred dan padi *specialty* supaya setiap penyelidik lebih fokus kepada program Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) masing-masing.